

## **APLIKASI ZAKAT AL-GHARIMIN UNTUK PENYELESAIAN HUTANG DALAM KALANGAN PESERTA AMANAH IKHTIAR MALAYSIA**

*Application of Al-Gharimin Zakah for Debt Solving among Amanah Ikhtiar  
Malaysia Participants*

**Raziah Md Tahir<sup>1\*</sup>**

**Syarifah Md Yusof<sup>2</sup>**

**Azizah Othman<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman

\*Corresponding author (Email: [raziah@uum.edu.my](mailto:raziah@uum.edu.my))

Diterima: 5 Mac 2020, Diproses: 27 April 2020, Diterbitkan: 30 September 2020

---

**Abstrak:** Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menawarkan pembiayaan mikro kepada peserta AIM yang terdiri daripada golongan miskin terutamanya di kawasan luar bandar. Pembiayaan mikro ini merupakan satu bentuk hutang yang wajib dibayar setiap minggu. Umumnya, pembiayaan ini digunakan oleh peserta AIM sebagai satu bentuk modal untuk memulakan dan mengembangkan aktiviti perniagaan. Dalam menyelesaikan bayaran balik pembiayaan, terdapat beberapa masalah tertentu yang dihadapi oleh peserta AIM. Dalam pengurusan zakat, orang-orang yang berhutang untuk tujuan *daruriyyah* ini tergolong dalam asnaf *al-gharimin* yang layak menerima bantuan zakat. Kertas kerja ini cuba meneliti dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti masalah yang dihadapi peserta AIM dalam proses bayaran balik hutang pembiayaan. Kedua, meneliti pandangan informan pakar dan peserta AIM terhadap aplikasi zakat *al-gharimin* dalam penyelesaian hutang. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif iaitu data dan maklumat berkaitan diperolehi melalui kaedah temu bual. Informan temu bual terdiri daripada peserta AIM, pihak pengurusan AIM, panel syariah zakat dan ahli akademik dalam bidang zakat. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian ini diharap dapat mencadangkan kaedah terbaik bagi agihan zakat *al-gharimin* dalam kalangan peserta AIM yang layak. Di samping itu, dapat mewujudkan rantaian kerjasama antara pihak AIM dengan pihak pengurusan zakat negeri dalam membantu peserta AIM yang tidak mampu menjelaskan hutang dan dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin*.

**Kata Kunci:** Zakat, *al-gharimin*, hutang, pembiayaan mikro, Amanah Ikhtiar Malaysia

**Abstract:** Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) offers micro financing to AIM participants comprising the poor especially in rural areas. This micro financing is a debt that needs to be paid on a weekly installment. Generally, this micro financing is used by AIM participants as a capital to start and grow their business activities. Based on settlement of the financing

*repayment, there are some problems faced by the AIM participants. In zakah management, those who are indebted to these daruriyyah purposes is called al-gharimin who is eligible for zakat distribution. This article attempts to examine two main objectives. Firstly, identify the problems faced by AIM participants in the financing repayment process. Secondly, examine the views of expert informants and AIM participants on the application of zakah al-gharimin distribution in debt settlement. The methodology of this study was qualitative method which are the data and information were obtained through interviews with AIM participants, AIM management, zakat shariah panels and academicians in zakah field. The information was analyzed using content analysis methods. The findings of this study are suggested the best method for distributing zakah al-gharimin among AIM participants. In addition, it can establish some cooperation between AIM and state of zakah management in solving the repayment problem among AIM participants and categorized them as al-gharimin.*

**Keywords:** *zakah, al-gharimin, debt, micro financing, Amanah Ikhtiar Malaysia*

## **PENDAHULUAN**

Pembiayaan mikro diperkenalkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk membantu golongan fakir dan miskin di Malaysia memperoleh modal kewangan bagi memulakan pelbagai projek yang boleh menambah pendapatan. Menurut Muhammad Yunus (1984), pembiayaan mikro ini membolehkan isi rumah menggembeng keusahawanan dan kemahiran hidup ke arah peningkatan dalam pendapatan dan taraf hidup. Ia juga membuka peluang kepada golongan miskin terutamanya kaum wanita untuk memperoleh pembiayaan bagi memulakan perniagaan mereka (Muhammad Yunus, 2007).

Di Malaysia, AIM bermula dengan pelaksanaan projek Ikhtiar pada tahun 1987 melalui sokongan dan bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM) (Gibbon dan Sukor, 1990). AIM memainkan peranan yang penting dalam penyediaan pinjaman bagi golongan miskin untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan terutamanya di kawasan luar Bandar (Chan, 2005). Md. Shahid (1996) turut menyokong bahawa melalui skim pembiayaan kredit mikro AIM, kemiskinan dalam kalangan penduduk luar bandar juga dapat dikurangkan melalui peningkatan pendapatan purata isi rumah yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. AIM juga telah berjaya membantu wanita miskin melalui falsafah, konsep dan pendekatan kredit mikro (Nor Aini Haji Idris, 1999).

Peserta AIM yang juga dikenali sebagai sahabat AIM, boleh membuat pembiayaan daripada AIM melalui borang permohonan pembiayaan dan ianya terbuka kepada semua golongan miskin tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik (AIM, 2006). Peserta yang telah memperoleh pembiayaan dikehendaki membayar balik pembiayaan tersebut mengikut tempoh yang dipilih secara mingguan. Sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikannya dalam tempoh tersebut, peserta lain dalam kumpulan yang sama perlu membantu menjelaskannya terlebih dahulu. Peserta juga diberi peluang untuk melanjutkan lagi tempoh bayaran balik sehinggalah kesemua bayaran balik dapat dilangsaikan. Namun begitu, perlanjutan tempoh tersebut akan menyebabkan permohonan peserta lain yang ingin membuat pembiayaan terganggu. Oleh itu, kertas kerja ini cuba meneliti masalah yang dihadapi peserta dalam proses

bayaran balik hutang AIM dan aplikasi zakat *al-gharimin* dalam penyelesaian hutang menurut pandangan pakar dan peserta AIM.

## LITERATUR KAJIAN

Terdapat pelbagai kajian berkaitan dengan pembiayaan mikro yang diaplikasikan oleh AIM. Norhaizah dan Mohd Noor (2011) telah mengkaji mengenai kepentingan pembiayaan kredit mikro yang ditawarkan oleh institusi bukan bank di Malaysia terhadap pembangunan perusahaan kecil. Hasil kajian mendapati pembiayaan kredit mikro menjadi satu instrumen yang efisien dalam membantu perusahaan kecil yang berhadapan dengan masalah kewangan. Skim kredit mikro ini merupakan satu bentuk hutang kecil-kecilan yang boleh digunakan dalam membangunkan sesuatu projek perniagaan yang boleh menambahkan pendapatan isi rumah.

Abdullah al-Mamun et al. (2011) pula melakukan kajian empirik ke atas prestasi bayaran balik dalam kalangan peserta AIM yang terdiri daripada golongan miskin tegar. Kajian mendapati masalah bayaran balik pembiayaan adalah dipengaruhi oleh penglibatan peserta dalam aktiviti yang tidak dapat menjana pendapatan. Prestasi bayaran balik yang baik adalah dipengaruhi oleh bilangan ahli isi rumah yang bekerja, bilangan sumber pendapatan dan penglibatan peserta dalam aktiviti projek yang boleh menjana pendapatan isi rumah.

Dalam kes AIM, peserta dikehendaki membayar balik pembiayaan melalui kontrak murabahah komoditi yang diaplikasikan secara sepenuhnya pada tahun 2014. Kontrak murabahah komoditi atau *tawarruq* ini merupakan kontrak alternatif kepada *bay' al-inah* yang diaplikasikan dalam pembiayaan peribadi di institusi perbankan di Malaysia sebelum ini. Memandangkan *bay' al-inah* menimbulkan kontroversi dalam kalangan sarjana Islam, pihak institusi perbankan telah menggantikannya dengan *tawarruq*. Oleh hal yang demikian, institusi kewangan dan perbankan Islam perlu menjauhi transaksi *bay' al-inah* kerana isu helah yang wujud dalamnya dan perlu menggantikannya dengan kontrak lain seperti mudarabah, musyarakah atau *tawarruq* (Engku Rabiah Adawiyah, 2008).

Dalam kontrak *tawarruq*, komoditi yang terlibat perlu memenuhi kriteria tertentu agar kehendak syariah dipatuhi dalam urusan niaga tersebut. Kebiasaannya, pihak institusi kewangan dan perbankan Islam menggunakan khidmat Pasaran Bursa Komoditi Murabahah atau dikenali sebagai Bursa Suq al-sila'. Peranan Bursa Suq al-sila' ialah sebagai platform dagangan komoditi syariah berasaskan laman sesawang elektronik. Dalam struktur Bursa Suq al-sila' ini, pihak penjual disyaratkan untuk memiliki komoditi terlebih dahulu sebelum melakukan urusan niaga. Bursa Suq al-sila' diperkenalkan hasil kerjasama antara BNM, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan peserta industri kewangan Islam (Mohd Izuwan, 2015).

## METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini membincangkan sebahagian daripada hasil penyelidikan Geran FRGS dan merupakan satu kajian kes berbentuk penerokaan. Pemilihan bentuk kajian tersebut adalah untuk menjelaskan persoalan berkaitan masalah yang dihadapi peserta dalam proses bayaran balik pembiayaan dan aplikasi zakat *al-gharimin* kepada peserta AIM dalam penyelesaian hutang. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Fasa pertama kajian lapangan dilakukan melalui kaedah temu bual bersemuka antara penyelidik dengan peserta AIM yang terpilih. Pemilihan peserta AIM dilakukan oleh pengurus AIM di enam buah Cawangan AIM

terpilih iaitu Cawangan Kubang Pasu (Zon Utara), Shah Alam (Zon Tengah), Teluk Intan (Zon Tengah), Melaka (Zon Selatan), Jerantut (Zon Timur), Kuala Terengganu (Zon Timur).

Dalam proses temu bual tersebut, dua orang peserta telah ditemu bual di setiap Cawangan. Cawangan Kubang Pasu terdiri daripada peserta AIM Jerlun-JERL, Cawangan Shah Alam (peserta AIM-MERU), Cawangan Teluk Intan (peserta AIM-TI), Cawangan Melaka (peserta AIM-MEL), Cawangan Jerantut (peserta AIM-JER) dan Cawangan Kuala Terengganu (peserta AIM-K.TERG). Soalan temu bual merangkumi soalan berkaitan maklumat latar belakang peserta, maklumat produk pembiayaan yang dipohon, masalah yang dihadapi peserta dan pandangan peserta AIM sendiri mengenai tujuan penggunaan zakat al-gharimin. Selain itu, sesi temu bual pakar turut dijalankan bersama panel syariah zakat (PZ) dan pakar akademik (PA) mengenai peranan zakat, definisi serta syarat-syarat al-gharimin.

### **MASALAH YANG DIHADAPI PESERTA DALAM PROSES BAYARAN BALIK HUTANG PEMBIAYAAN AIM**

Bahagian ini membincangkan masalah berkaitan perniagaan yang dihadapi oleh para peserta AIM yang mempengaruhi proses bayaran balik hutang pembiayaan masing-masing. Perbincangan tersebut memenuhi objektif pertama dalam kertas kerja ini. Sememangnya setiap pengusaha perniagaan tidak akan terlepas dari menghadapi cabaran dan masalah dalam menjalankan perniagaan. Pengusaha dan peniaga kecil yang bermula dengan modal yang rendah pastinya berhadapan dengan cabaran untuk menstabilkan kedudukan perniagaan mereka. Terdapat cabaran dalam pelbagai peringkat sama ada di peringkat permulaan, kemuncak atau sepanjang tempoh perniagaan tersebut. Perniagaan dan usahawan yang berbeza akan menghadapi masalah yang berbeza. Hasil kajian mendapati terdapat tujuh klasifikasi masalah yang dihadapi oleh peserta AIM dalam menjalankan perniagaan masing-masing. Masalah-masalah tersebut termasuklah kekurangan sumber bekalan, masalah pelanggan, pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran, aset niaga rosak, kenaikan harga barang dan masalah kesihatan. Jadual 1 menjelaskan klasifikasi masalah yang dihadapi peserta AIM sehingga menjejaskan proses bayaran balik hutang pembiayaan.

**Jadual 1: Ringkasan Temu bual Bersama Peserta AIM Berkaitan Klasifikasi Masalah Peserta**

<b>Klasifikasi Masalah Peserta</b>	<b>Transkrip temu bual peserta AIM</b>
Kekurangan Sumber Bekalan	Masalah macam tu ada lah musim ikan takdak tu. Kak berenti la. Nak pi ambik kat tempat lain kak takdak kenderaan-JERL2
Masalah Pelanggan	Masalah yg selalu dihadapi oleh saya sepanjang meniaga adalah kehabisan barang berniaga.-JERL1 Kak ambil bayaran RM40 sebulan, jadi dia rasa nak bayar RM20, dia bayar RM20 walaupun kak dah bagitahu dah bayaran ni tetap RM40 untuk sebulan. Kemudian, kehadiran tak tetap. Contohnya bulan ni anak ada periksa, jadi dia tak hantar anak tu. Jadi, bayaran dia tak bayar la..jadi, bila tak bayar, kita jadi masalah kewangan la. K.TERG2

Pengurusan Kewangan	Masalah akak, modal kot, sebab permulaan tu tak pandai macam mana nak besarkan modal. Akak tak pandai sangat guna duit, rasa beban gak kan sbb setiap minggu kena bayar,tapi tak buat apa kan. -MERU2
Pengurusan Pemasaran	<p>Cuma masalah kurang modal jela.-K.TERG1</p> <p>Memang ada masalah tu, dugaan paling besar saya bila datang bulan puasa. Bukan bulan puasa kita meniaga makanan pagi, untuk puasa saya mati akal nak buat apa. Sebab try buat masak lauk, tak boleh jalan.-MERU1</p> <p>Masalah kuih-kuih akak kurang dapat sambutan. Akak stop dulu. -MERU2</p> <p>Sekarang ni kak hantar 10 bekas, nak habis 1 bekas pun payah dik. K.TERG2</p> <p>Alah..sekali sekala saja buat jual..bukan tetap..-TI2</p> <p>Masa kita letak kuih tu, ada persaingan banyak selalunya kita akan clash dengan kuih yg sama.-MEL1</p> <p>Jumlah jualan yang tak stabil. Kadang-kadang banyak, kadang-kadang sedikit.-JERL2</p>
Aset Perniagaan Rosak	<p>Masalah mencari pelanggan la..dengan modal la..-TI1</p> <p>Sekarang mesin rosak, jadi makcik berhenti meniaga buat sementara waktu..jadi kebun sawit jelah yang makcik buat sekarang ni.-TI1</p>
Kenaikan harga barang mentah Kesihatan	Masalah kak bila ada kenaikan harga barang mentah-JERL3 dua tahun ni kak bekerja sorang, suami kak sakit, akak sendiri pun sakit. K.TERG2
Masalah Rakan Ahli Peserta	<p>Untuk pusat ni kak besa la alami, dok lama dah kan, sampai ada yg tak bayar, berhenti lagu tu ja.. -JERL2</p> <p>Kadang-kadang ada orang yang tak boleh bayar, kita tolong bayar. K.TERG1</p> <p>orang lain lah bukan saya..kita yang akan bayarkan untuk dia..-TI2</p> <p>Tapi ada juga kawan-kawan lain yang ada masalah bayar balik..ada yang duit lambat sampai ( tak hadir mesyuarat), dan ada yang tak bayar langsung.-JERL3</p>

Berdasarkan Jadual 1, masalah kekurangan sumber bekalan merujuk kepada situasi kekurangan sumber bahan mentah oleh peniaga bagi menghasilkan produk akhir perniagaan untuk dijual kepada pengguna. Bagi sesetengah produk di pasaran, sekiranya masalah ini berterusan, kekurangan bekalan bukan hanya dirasai oleh para peniaga, tetapi juga para pengguna akan turut terjejas. Hasil analisis juga mendapati terdapat masalah yang dihadapi

oleh peserta AIM merupakan masalah yang berpunca dari kerenah pelanggan. Hal ini dikongsi oleh peserta AIM K.TERG2. Beliau menceritakan pengalaman menerima bayaran tidak tetap daripada pelanggan walaupun jumlah bayaran yuran atas perkhidmatan yang disediakan telah dimaklumkan lebih awal. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah kewangan pada pihaknya. Pengurusan kewangan juga adalah salah satu cabang ilmu yang perlu dikuasai oleh setiap usahawan mahupun peniaga kecil-kecilan untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Secara umumnya, pengurusan kewangan meliputi pengurusan ke atas modal, belanjawan perniagaan, hasil dan keuntungan perniagaan. Analisis mendapati masalah kewangan yang dihadapi oleh peserta AIM MERU2 dan K.TERG1 adalah berkaitan dengan modal sama ada masalah kekurangan modal atau tidak tahu bagaimana ingin menggunakan modal perniagaan.

Pengurusan pemasaran pula merupakan aktiviti bagi menyampaikan produk atau perkhidmatan dari pengeluar atau peniaga kepada pengguna akhir dalam pasaran. Fungsi pemasaran pula dilaksanakan berdasarkan 4P's dalam perniagaan. 4P's tersebut adalah produk, promosi, tempat dan harga (*product, promotion, place and price*). Berdasarkan analisis temu bual mendapati masalah pemasaran yang dihadapi oleh para peserta AIM adalah berpunca dari produk perniagaan yang kurang jelas seperti peserta AIM MERU1, dan promosi yang kurang berkesan seperti yang dinyatakan oleh peserta AIM. Terdapat juga masalah perniagaan yang disebabkan peralatan atau fasiliti perniagaan rosak. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh peserta AIM TI1. Keadaan ekonomi yang mendorong kenaikan harga barang mentah kepada penghasilan produk akhir pengguna selalunya menjadi masalah buat peniaga kecil-kecilan seperti peserta AIM. Sasaran pasaran mereka yang kebanyakannya hanya di kawasan kampung dan terpencil sudah semestinya memerlukan mereka meletakkan harga jualan pada tahap yang sederhana. Hal ini dinyatakan oleh peserta AIM JER3.

Akhir sekali, masalah yang berlaku terhadap diri peniaga itu sendiri iaitu masalah kesihatan. Lebih merumitkan lagi jika masalah kesihatan turut berlaku dalam kalangan ahli keluarga peserta itu sendiri. Hal yang demikian dikongsi oleh peserta AIM K.TERG2 yang mempunyai masalah kesihatan. Hasil analisis mendapati tiada masalah pembayaran yang dihadapi oleh individu setiap peserta yang ditemu bual, tetapi rakan ahli AIM yang mempunyai masalah dalam menjalankan tanggungjawab mereka untuk membayar hutang. Oleh itu, sebagai rakan ahli, peserta AIM yang lain haruslah membayar bagi pihak rakan yang menghadapi masalah tersebut. Hal ini dinyatakan oleh peserta AIM JERL2, K.TERG1, TI1, dan JER3.

## **APLIKASI ZAKAT AL-GHARIMIN DALAM PENYELESAIAN HUTANG PESERTA AIM**

Aplikasi zakat al-gharimin dalam penyelesaian hutang peserta AIM dilihat melalui pandangan informan temu bual pakar yang terdiri daripada Panel Syariah Zakat (PZ), Ahli Akademik (PA) dan juga pandangan peserta AIM terpilih. Satu sesi temu bual bersemuka dijalankan dan pandangan ketiga-tiga informan temu bual dapat dirumuskan seperti berikut.

### **Pandangan Panel Syariah Zakat (PZ)**

Berdasarkan temu bual dengan panel syariah zakat, secara umumnya pusat zakat berperanan untuk mengutip zakat dan mengagihkan hasil kutipan zakat tersebut kepada yang individu layak atau dipanggil sebagai asnaf zakat. Asnaf *gharimin* merupakan salah satu daripada lapan asnaf zakat. Dalam hal yang demikian, peserta AIM yang menghadapi masalah dalam

membayar balik hutang pembiayaan adalah layak menerima bantuan zakat di bawah asnaf *al-gharimin* sekiranya mereka berhutang untuk tujuan *daruriyyah*. Jadual 2 menjelaskan pandangan pakar syariah zakat berkaitan peranan zakat dan definisi asnaf *al-gharimin*.

**Jadual 2: Ringkasan Temu bual Pakar Bersama Panel Syariah Zakat**

Peranan Zakat	Definisi Al-Gharimin
<p>Zakat berperanan untuk membantu asnaf <i>al-gharimin</i> kerana ia salah satu antara lapan asnaf yang berhak terima zakat. Peranan zakat ni melepaskan asnaf <i>al-gharimin</i> dari tanggungan hutang.</p>	<p><i>Al-gharimin</i> dari segi bahasanya adalah orang yang berhutang. Dari segi istilahnya, ada beberapa perbezaan pandangan lah dalam ulama. Bagi Imam Malik, Shafie dan Ahmad, mereka mengatakan bahawa orang yang menanggung hutang di mana hutangnya itu untuk perkara asas atau perkara <i>daruriyyah</i> bagi diri dan tanggungannya. Jadi dia berhutang dia tidak mampu membayar hutang dan dia tidak memiliki harta lebih.</p> <p>Bagi Imam Mujahid, orang yang <i>gharimin</i> itu orang yang berhutang kerana untuk kegunaan dirinya atau kerana dia ditimpa oleh musibah seperti banjir, hartanya terbakar dan sebagainya dan dia tidak memiliki harta lagi</p> <p>Yusuf al Qardawi, ulama kontemporari mendefinisikan <i>gharimin</i> itu lebih luas. Termasuk bukan sahaja orang yang berhutang untuk kemaslahatan diri tapi juga untuk kemaslahatan umat seperti nak bangunan sekolah, hospital, asrama anak yatim, prasarana utk kegunaan umum jadi mereka ini juga berhak terima zakat.</p> <p>Begitu juga Sheikh Nasib al-Ukhwat bersetuju. Beliau menambah di antara kepentingan peribadi termasuklah nafkah seharian, belanja kahwin, perubatan, tempat tinggal, perabot dan perkakasan rumah dan hutang kerana membayar ganti rugi kepada pihak lain. Kita nampak sini skop hutang tu diperluaskan lagi ikut keadaan semasa.</p>

Sumber: Temu bual Informan Panel Syariah Zakat (2017)

Berdasarkan Jadual 2, panel syariah zakat menyatakan pandangan mengenai definisi asnaf *al-gharimin* menurut ulama silam dan kontemporari. Justeru itu, dapat disimpulkan bahawa peserta AIM yang berhutang untuk tujuan memenuhi keperluan asas seperti makan minum, tempat tinggal, pakaian, pendidikan dan kesihatan merupakan golongan yang layak dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin*.

### Pandangan Ahli Akademik (PA)

Ahli akademik yang ditemu bual merupakan pensyarah kanan dalam bidang zakat dan muamalat. Menurut pandangan ahli akademik, sekiranya pemohon adalah layak untuk mendapat bantuan zakat berdasarkan tafsiran asnaf *al-gharimin*, peruntukan tersebut sepatutnya diberikan kepada mereka. Jadual 3 menjelaskan pandangan ahli akademik mengenai definisi dan syarat-syarat *al-gharimin* yang melayakkan individu mendapat bantuan zakat dengan sebab berhutang.

**Jadual 3: Ringkasan Temu bual Pakar Bersama Ahli Akademik**

Definisi al-Gharimin	Syarat-syarat/Ciri-ciri al-Gharimin
<i>Orang yang berhutang untuk dirinya atau tujuan baik sahaja; berhutang untuk membantu orang lain (membantu membayar diyat iaitu gantirugi kepada Jenayah Qisas dan menjadi penjamin bagi pihak yang berhutang.</i>	<i>Mesti seorang Islam, berakal, waras, baru la dia layak menerima zakat. Hutangnya itu dalam perkara asas. Perkara yang asas tu pula mestilah yang halal dan dibenarkan oleh syarak.</i>
<i>Berhutang untuk memenuhi keperluan asas hidup (daruriyyat). Membeli makanan; menampung kos perubatan; menampung kos pendidikan; mendapat kediaman yang sesuai dengan isirumah dan kos untuk beli pakaian dan menampung kos pengangkutan.</i>	<i>Dan hutang tu pula berkaitan dengan keperluan diri dan tanggungannya dan bukan bersifat perkara yg berkaitan dengan agama seperti kifarati atau fidyah. Memenuhi syarat asas al-gharimin dan pinjaman untuk hutang perniagaan (mengikut jenis dan keutamaan). Berhutang untuk pendidikan ertinya dia layak untuk terima zakat selepas dia bertungkus lumus dan PTPTN dah keluarkan surat senarai hitam (blacklist) dan sebagainya. Penanda aras hutang ni adalah terdesak. Berdasarkan Mazhab Hambali, kita berhutang untuk tolong orang pun boleh dengan syarat orang tu tersepit dengan keperluan asas dia. Kita berhutang nak tolong dia, kita tak boleh bayar dan jatuh bankrap/muflis, kita boleh menerima zakat. Bagi peserta AIM, mesti diisytiharkan bankrap/muflis dan hartanya telah habis...tiada lebih harta, atau dilelong jadi dia layak terima zakat.... atau pun sekiranya tak disahkan muflis pun, AIM dah keluarkan surat terakhir yang perlu bayar sekian-sekian, jadi mereka layak terima bantuan.</i>

Sumber: Temu bual Bersama Pakar Akademik (2017)

Berdasarkan Jadual 3, pakar akademik menyatakan pandangan mengenai definisi dan syarat asnaf *al-gharimin*. Hasil analisis kajian menunjukkan antara syarat-syarat asnaf *al-gharimin* adalah individu itu mesti seorang yang beragama Islam, berakal, hutang demi keperluan asas dan perbelanjaan yang halal, adakalanya diisytiharkan muflis, yang mana dalam masa yang sama tidak mempunyai lebih harta.

### Pandangan Peserta AIM



Salah satu soalan yang diajukan kepada peserta AIM ialah “Apakah kegunaan wang zakat yang diperolehi?” Jadual 4 menjelaskan pandangan peserta AIM berkaitan tujuan penggunaan zakat *al-gharimin* dalam penyelesaian hutang.

**Jadual 4: Ringkasan temu bual bersama peserta AIM mengenai tujuan penggunaan zakat *al-gharimin***

Peserta AIM	Tujuan penggunaan zakat <i>al-gharimin</i>
JERL1	<i>Duit zakat hanya guna untuk anak ja, makan keluarga, susu, pampers bulan-bulan pun dekat RM300 tu pun tak cukup sebab dia dah besaq.</i>
JERL3	<i>Selalu dok guna untuk keperluan anak-anak la, belanja sikit-sikit, boleh la tampung, berniaga pun boleh kata la, saya berniaga pun bukan besaq mana pun.</i>
TI1	<i>Untuk belanja raya la..macam-macam..RM200 pun tak cukup.</i>
TI2	<i>Kita ambil duit zakat la juga untuk bayarkan..campur-campur untuk kegunaan dan bayar hutang.</i>
K.TERG1	<i>Guna belanja makan.</i>

Sumber: Temu bual bersama peserta AIM (2016 & 2017)

Berdasarkan Jadual 4, wang zakat digunakan atau dibelanjakan bagi lima tujuan utama yang masing-masing yang merupakan keperluan kehidupan (*daruriyyah*). Antaranya termasuklah kegunaan untuk perbelanjaan anak (JERL1), perbelanjaan sara hidup (K.TERG1), perbelanjaan hari raya (TI1), bayar hutang (TI2) dan kos menjalankan perniagaan (JERL3). Penemuan analisis yang menyatakan penggunaan wang zakat untuk membayar hutang dalam kalangan peserta AIM telah memenuhi objektif kedua dalam kertas kerja ini. Hal ini dinyatakan oleh peserta TI2. Lebih menarik lagi hasil analisis menemukan penyataan kegunaan wang zakat bagi perbelanjaan kos perniagaan seperti yang dikongsi pengalaman oleh peserta JERL3. Jadual 5 menjelaskan pandangan peserta mengenai kesesuaian aplikasi zakat *al-gharimin* dalam menyelesaikan masalah hutang dalam kalangan peserta AIM.

**Jadual 5: Ringkasan temu bual bersama peserta AIM mengenai kesesuaian zakat *al-gharimin***

Peserta AIM	Kesesuaian zakat <i>al-gharimin</i> dalam penyelesaian hutang peserta AIM
K.TERG2	<i>Bagi akak, memang akak setuju la kalau zakat ni untuk selesaikan masalah hutang ni.</i>
TI1	<i>Boleh..kalau kita dah tak ada dah..ada orang bagi duit zakat kita bayar je lah kan..bagi makcik boleh..</i>
MEL2	<i>Barang-barang yang ambil ni untuk makan ja, tak buat utk bisnes. Jadi kiranya membantu beban belanja dapur. Kiranya tak pikiaq la sangat bab barang dapur ni. Rumah pun mampu nak bayar.</i>
JER1	<i>Sekiranya prosedur tak banyak dan menyusahkan, mungkin zakat boleh mengurangkan beban sara hidup pada masa kini.</i>
MERU2	<i>Kiranya boleh bantu dapat kapasiti yang banyak. Jadi, bila dapat hasil yang banyak, dapatla cover bayaran bulanan. Jadi pendapatan dekat situ dah ada. Ha, macam tu la.-</i>

Sumber: Temu bual bersama peserta AIM (2016 & 2017)

Berdasarkan jadual 5, penyelidik juga mendapatkan pandangan peserta AIM tentang kesesuaian aplikasi zakat *al-gharimin* dalam menyelesaikan masalah hutang dalam kalangan

peserta AIM. Hasil analisis menunjukkan terdapat peserta yang bersetuju dengan kenyataan zakat boleh membantu bagi meringankan beban membayar hutang. Hal ini dinyatakan oleh peserta AIM K.TERG2 dan TI1 seperti dalam temu bual. Hasil analisis juga menunjukkan sumbangan zakat bukan sahaja dapat membantu peserta dalam membiayai komitmen perbelanjaan harian, tetapi dapat juga membantu peserta menambah produktiviti perniagaan yang seterusnya meningkatkan hasil pendapatan mereka juga. Ini dibuktikan dengan penyataan oleh peserta AIM MEL2, JERL1 dan MERU2. Kebanyakan peserta menyatakan bahawa bantuan zakat dapat meringankan beban kos sara hidup mereka. Hal ini selari dengan tujuan pemberian zakat.

## KESIMPULAN

Secara ringkasnya, pembiayaan mikro melalui kontrak *Murabahah Komoditi* yang dilakukan oleh peserta AIM merupakan satu bentuk pembiayaan Islam yang wajib dijelaskan bayaran balik setelah cukup tempoh seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak AIM dengan peserta AIM. Sekiranya peserta AIM mengalami masalah dalam bayaran balik pembiayaan, peserta masih boleh berbincang dengan pihak AIM untuk menjadualkan semula ansuran bayaran balik pembiayaan tersebut. Sekiranya masih gagal berbuat demikian, peserta AIM perlulah memaklumkan kepada pihak AIM dengan kadar segera. Peserta AIM yang benar-benar mengalami kesempitan wang untuk menjelaskan hutang atas sebab *daruriyyah* boleh menghubungi pihak institusi zakat negeri untuk memohon bantuan zakat asnaf *al-gharimin*. Di samping itu pihak AIM juga boleh bekerjasama dengan pihak institusi zakat dari aspek menyalurkan maklumat terkini mengenai peserta AIM yang mengalami masalah kritikal dalam membayar balik hutang mereka. Hal yang demikian membolehkan pihak institusi zakat menyiasat latar belakang peserta tersebut sama ada mereka layak atau pun tidak untuk mendapat bantuan zakat di bawah asnaf *al-gharimin*. Untuk tujuan tersebut, peserta AIM perlulah mengisi borang permohonan bantuan zakat terlebih dahulu bagi memudahkan urusan agihan zakat oleh pihak institusi zakat kepada golongan yang benar-benar layak menerima bantuan zakat asnaf *al-gharimin*.

## PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (DP KPM)-FRGS (Kod s/o: 13026) di atas penawaran Dana Geran sebanyak RM78,900 untuk penyelidikan ini yang bertajuk “Peranan zakat dalam penyelesaian hutang asnaf *al-gharimin* dalam kalangan peserta Amanah Ikhtiar Malaysia”. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan menyempurnakan penyelidikan FRGS ini.

## RUJUKAN

- Abdullah al-Mamun *et al.* (2011). “Empirical Investigation on Repayment Performance of Amanah Ikhtiar Malaysia’s Hardcore Poor Clients” dlm. *International Journal of Business and Management*, Vol. 6, No. 7, hal. 125-133.
- AIM (Amanah Ikhtiar Malaysia) (2006). “Dua Dekad IKHTIAR Menjunjung Amanah” dlm *Jurnal IKHTIAR*, Edisi Khas AIM 20 Tahun, Januari-Mac 2006, hal. 1-42.
- Al-Quran, Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (2006). Shah Alam: Yayasan Restu.
- Azlan Khalili Shamsuddin (1995). *Riba: Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Chan, S.H (2005). "An Explonatory Study of Using Micro-Credit to Encourage the Setting up of Small Businesses in the Rural Sector of Malaysia" dlm. *Asian Business & Management*. Vol 4. Iss. 4, hal. 455.
- Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2008). Bay' al-Inah and Tawarruq: Mechanism and Solutions. Dalam Bakar, M.D et. al, *Essantial Readings in Islamic Finance*, (p. 133-165). Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn Bhd.
- Gibbons, D.S dan Sukor Kasim (1990). *Banking on The Rural Poor*. Penang: Center for Policy Research, Universiti Sains Malaysia.
- Md. Shahid Hassan (1996). The Role of Amanah Ikhtiar Malaysia in Rural Poverty Alleviation: A Study in Sabak Bernam District, Selangor. Tesis Sarjana Ekonomi yang diserahkan kepada Fakulti Ekonomi dan Perniagaan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Izuwan Bin Mahyudin (2015). *Aplikasi Tawarruq Dalam Sistem Perbankan Islam: Kajian di Bank Muamalat Malaysia Berhad*. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Muhammad Yunus (1984). *On Reaching The Poor*. Dhaka: Grameen Bank.
- Muhammad Yunus (2003). *Banker To The Poor: Micro Lending and The Battle Against World Poverty*. New York: Public Affairs.
- Muhammad Yunus. (2007). *Banker To The Poor : Micro-Lending and The Battle Against World Poverty*. New York: Public Affairs.
- Muhammad Yunus (2007). *Creating a World Without Poverty : Social Business and The Future of Capitalism*. New York: Public Affairs.
- Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji. (2004). "Fiqh Mazhab Syafie." *Terjemahan Ust. Solehan bin Ayub*. Shah Alam: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches* (6th Edition). New York: Pearson Education Inc.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Norhaizah Nawai & Mohd Noor Mohd Shariff (2010). "Determinants of Repayment Performance in Microcredit Programs: A Review of Literature" dlm. *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 1. No. 2. Hal. 152-160.
- Norhaizah Nawai & Mohd Noor Mohd Shariff (2011). "The Importance of Micro Financing to the Microenterprises Development in Malaysia's Experience" dlm. *Asian Social Science*, Vol. 7. Hal. 226-238.
- Osman Sabran (2000). *Urusniaga Al-Bai' Bithaman Ajil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Osman Sabran (2001). *Urusniaga al-Qard al Hasan Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Wahbah al-Zuhaili (1995). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan Md Akhir Haji Yaacob et al. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah al-Zuhaili (1996). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan Md Akhir Haji Yaacob et al. Jilid IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf al-Qardhawi (2007). Halal dan Haram Menurut Perspektif Islam. Terj. Abu Jabir Muhammad Pattani: Bin Halani Press.